



**BORANG SENARAI SEMAK AUDIT AKSESIBILITI BAGI PEMAJUAN DI PULAU PINANG**

a) SENARAI SEMAK RUANG LUARAN

| NO. | KATEGORI | KAWASAN PENILAIAN |  | PEMATUHAN (/) |       |                 |
|-----|----------|-------------------|--|---------------|-------|-----------------|
|     |          |                   |  | YA            | TIDAK | TIDAK BERKENAAN |
| 1.  | AKSES    | a.                | Laluan yang ditetapkan ( <i>designated pathway</i> ) hendaklah boleh disambungkan kepada pembangunan yang bersebelahan/berdekatan. |               |       |                 |
|     |          | b.                | Perhentian bas dan teksi hendaklah berada dalam lingkungan 400m radius.  |               |       |                 |
| 2.  | LALUAN   | a.                | Lebar minimum laluan adalah 1200mm tanpa sebarang halangan fizikal.  |               |       |                 |
|     |          | b.                | <i>Kerb ramp</i> perlu disediakan sekiranya terdapat perbezaan paras di sepanjang laluan.  |               |       |                 |
|     |          | c.                | Laluan dilengkapi dengan jubin amaran ( <i>warning tiles</i> ) yang mempunyai warna yang kontras dengan warna sekitarnya.          |               |       |                 |
|     |          | d.                | Jubin pandu arah ( <i>guiding tiles</i> ) dengan warna yang kontra hendaklah dipasang dengan betul tanpa sebarang halangan.        |               |       |                 |
|     |          | e.                | Penutup lurang ( <i>manhole</i> ) dan longkang perlulah sama rata/ paras dengan permukaan laluan di sepanjang laluan.              |               |       |                 |
|     |          | f.                | Menyediakan penghalang keselamatan ( <i>safety barrier</i> ) yang sesuai dan mencukupi.  |               |       |                 |

| NO. | KATEGORI                  | KAWASAN PENILAIAN  | PEMATUHAN (/) |       |                 |
|-----|---------------------------|--|---------------|-------|-----------------|
|     |                           |  | YA            | TIDAK | TIDAK BERKENAAN |
|     |                           | g. Jeriji longkang ( <i>drain grating</i> ) perlu dipasang bersudut tepat ( <i>laid perpendicular</i> ) dengan arah laluan dan sela di antara jeriji ( <i>grating</i> ) tidak melebihi 13mm. |               |       |                 |
| 3.  | PERSIMPANGAN DAN LINTASAN | a. Laluan melintas aksesibiliti (contohnya jenis lintasan atas tanah, <i>raised, overhead</i> ataupun bawah tanah perlu disediakan untuk mempertingkatkan keselamatan pejalan kaki.          |               |       |                 |
|     |                           | b. <i>Kerb ramp</i> perlulah sejajar dengan <i>kerb ramp</i> yang bertentangan di seberang jalan bagi mewujudkan laluan yang lancar/berterusan.  |               |       |                 |
|     |                           | c. Laluan melintas di <i>traffic island</i> hendaklah jenis <i>kerb ramp</i> atau <i>raised crossing</i> .   |               |       |                 |
|     |                           | d. Laluan melintas perlu disediakan garisan termoplastik tertimbul ( <i>slightly raised</i> ) dengan warna kontras dan mudah dikesani.   |               |       |                 |
|     |                           | e. <i>Warning Tiles</i> dipasangkan di semua laluan melintas untuk kemudahan pejalan kaki yang kurang upaya penglihatan.   |               |       |                 |
|     |                           | f. Laluan melintas perlu dilengkapi dengan sistem isyarat audio ( <i>beeping sound</i> ) & visual (cth: <i>green &amp; red person</i>  |               |       |                 |

| NO. | KATEGORI | KAWASAN PENILAIAN  | PEMATUHAN (/) |       |                 |
|-----|----------|--|---------------|-------|-----------------|
|     |          |  | YA            | TIDAK | TIDAK BERKENAAN |
|     |          | <i>symbols)</i>  |               |       |                 |
|     |          | g. Butang panggilan ( <i>call buttons</i> ) dan kawalan melintas perlu dipasang pada ketinggian di antara 900mm – 1000mm yang mudah capai oleh semua golongan pengguna, contohnya: pengguna kerusi roda.   |               |       |                 |
|     |          | h. Laluan melintas <i>overhead</i> atau bawah tanah yang <i>berlerengan (slope ramps)</i> perlu dilengkapi dengan susur tangan dan kecerunan ramp hendaklah tidak melebihi nisbah 1:14 atau disediakan lif.  |               |       |                 |
|     |          | i. Susur tangan berkembar ( <i>double handrail</i> ) perlu disediakan pada tangga/ <i>ramp</i> untuk laluan melintas atas atau bawah tanah dan sebagainya. (Susur tangan atas: 850–1000mm; Susur tangan kedua: 600 –750mm).  |               |       |                 |
|     |          | j. Untuk jalan yang bukan jalan utama ( <i>non-trunk roads</i> ), langkah memperlahankan aliran lalulintas ( <i>traffic calming measures</i> ) perlu dilaksanakan seperti pemasangan bonggol jalan, <i>rumble strips</i> dan <i>speed table</i> ; dan tertakluk kepada syarat/ kehendak PBT. |               |       |                 |

| NO. | KATEGORI              | KAWASAN PENILAIAN   | PEMATUHAN (/) |       |                 |
|-----|-----------------------|---|---------------|-------|-----------------|
|     |                       |   | YA            | TIDAK | TIDAK BERKENAAN |
|     |                       | k. Opsyen tempoh masa melintas yang lebih lama ( <i>Extended crossing duration option</i> ) perlu disediakan untuk memenuhi keperluan pengguna yang mempunyai tahap mobiliti yang terhad. |               |       |                 |
| 4.  | <b>KERB RAMP</b>      | a. Kecerunan kerb ramp tidak kurang daripada nisbah 1:12 berdasarkan nisbah jarak dan kecerunan mengikut MS1184   |               |       |                 |
|     |                       | b. Lebar lerengan <i>ramp</i> sekurang-kurangnya 1200mm.  |               |       |                 |
|     |                       | c. <i>Flared side</i> perlu disediakan untuk <i>kerb ramp</i> yang berada di tengah laluan melintas.  |               |       |                 |
| 5.  | <b>PERHENTIAN BAS</b> | a. Laluan dari/ ke perhentian bas perlu kesalinghubungan ( <i>connectivity</i> ), mudah akses dan tidak ada sebarang halangan fizikal.  |               |       |                 |
|     |                       | b. Papan tanda disediakan untuk menunjukkan kedudukan perhentian bas termasuk nombor perkhidmatannya ( <i>service numbers</i> ).  |               |       |                 |
|     |                       | c. Jadual masa perkhidmatan bas disediakan di perhentian bas.   |               |       |                 |
|     |                       | d. Petak perhentian bas dan <i>lay-by</i> perlu direka bentuk untuk memudahkan pengguna menaiki dan menuruni bas tanpa  |               |       |                 |

| NO. | KATEGORI                         | KAWASAN PENILAIAN  | PEMATUHAN (/) |       |                 |
|-----|----------------------------------|--|---------------|-------|-----------------|
|     |                                  |  | YA            | TIDAK | TIDAK BERKENAAN |
|     |                                  | menimbulkan gangguan kepada aliran lalulintas.   |               |       |                 |
|     |                                  | e. Paras lantai untuk perhentian bas hendaklah di antara ketinggian 150mm hingga 225mm untuk memudahkan turun-naik pengguna.   |               |       |                 |
|     |                                  | f. Isyarat <i>Audio</i> dan <i>Visual</i> disediakan bagi memenuhi pengguna-pengguna dengan pelbagai keperluan.  |               |       |                 |
|     |                                  | g. <i>Warning Tiles</i> dipasangkan satu kaki sebelum kerb di hadapan perhentian bas.  |               |       |                 |
|     |                                  | h. Perhentian bas adalah berbumbung dan disediakan tempat duduk dengan ketinggian yang berbeza mengikut kesesuaian golongan pengguna termasuk menyediakan ruang kosong (800 x 1300 mm) untuk pengguna kerusi roda. |               |       |                 |
| 6.  | TEMPAT LETAK KERETA (OKU & KHAS) | a. TLK OKU perlu berada di dalam lingkungan 50m dari pintu masuk yang terdekat.  |               |       |                 |
|     |                                  | b. TLK OKU terletak bersebelahan jalan dan tidak mencecah ke laluan pejalan kaki.  |               |       |                 |
|     |                                  | c. <i>Pre-cast wheel stoppers</i> disediakan di TLK OKU.   |               |       |                 |
|     |                                  | d. Papan tanda amaran dan prosedur penguatkuasaan  |               |       |                 |

| NO. | KATEGORI | KAWASAN PENILAIAN   | PEMATUHAN (/) |       |                 |
|-----|----------|---|---------------|-------|-----------------|
|     |          |   | YA            | TIDAK | TIDAK BERKENAAN |
|     |          | dipamerkan untuk mengelakkan salahguna pengguna lain selain daripada pengguna OKU.  |               |       |                 |
|     |          | e. Petak TLK OKU ditandakan dengan <i>International Symbol of Access</i> berwarna putih dengan latar belakang warna biru atas lantai.   |               |       |                 |
|     |          | f. Papan tanda menegak dengan <i>International Symbol of Access</i> perlu dipasang untuk mengenalpasti petak TLK OKU dengan mudah walaupun petak ini telah diletakkan kereta. |               |       |                 |
|     |          | g. TLK OKU mempunyai laluan akses yang lancar dan tidak terganggu dari petak TLK ke laluan pejalan kaki dan seterusnya ke bangunan/kemudahan.                                 |               |       |                 |
|     |          | h. 1 petak TLK OKU disediakan untuk setiap 4-50 petak TLK, maksimum 5 petak TLK OKU diperlukan.   |               |       |                 |
|     |          | i. Lokasi TLK OKU disediakan di lokasi yang mudah dikesani dan berada di laluan utama.  |               |       |                 |
|     |          | j. TLK OKU hendaklah di permukaan tanah/ binaan yang kukuh dan rata.  |               |       |                 |
|     |          | k. Ruang TLK OKU yang mencukupi untuk pengguna OKU  |               |       |                 |

| NO. | KATEGORI    | KAWASAN PENILAIAN   | PEMATUHAN (/) |       |                 |
|-----|-------------|---|---------------|-------|-----------------|
|     |             |   | YA            | TIDAK | TIDAK BERKENAAN |
|     |             | keluar masuk kenderaan dengan selamat berukuran minimum 3600mm x 4800mm (digalakkan 3600 x 5400mm)  |               |       |                 |
|     |             | i. Pencahayaan yang cukup untuk kawasan TLK.  |               |       |                 |
|     |             | m. Tiada halangan yang menyekat akses ke TLK oleh golongan OKU.   |               |       |                 |
|     |             | n. Petak TLK mesra keluarga disediakan untuk keluarga dengan bayi dan warga emas. (Bangunan kemudahan awam, bangunan infrastruktur, terminal/ <i>transport hub</i> , <i>shopping mall/supermarket/hypermarket</i> ) |               |       |                 |
| 7.  | PENCAHAYAAN | a. Pencahayaan yang cukup di sepanjang laluan/perhentian bas/ TLK di dalam tapak pembangunan.   |               |       |                 |



**b) SENARAI SEMAK RUANG DALAMAN**

| NO. | KATEGORI          | KAWASAN PENILAIAN   | PEMATUHAN ( / ) |       |                 |
|-----|-------------------|---|-----------------|-------|-----------------|
|     |                   |   | YA              | TIDAK | TIDAK BERKENAAN |
| 1.  | PINTU MASUK UTAMA | a. Tempat letak kereta untuk wanita hamil disediakan. (Bangunan kemudahan awam, bangunan infrastruktur/ terminal/ <i>transport hub</i> , <i>shopping mall</i> , <i>supermarket/ hypermarket</i> ) |                 |       |                 |
|     |                   | b. Pintu masuk disediakan papan tanda yang jelas dan mudah dinampak termasuk <i>International Symbol of Access</i> .  |                 |       |                 |
|     |                   | c. Sekiranya terdapat perubahan paras di bendul pintu ( <i>threshold</i> ), ia hendaklah tidak melebihi 5mm dan perlu ditandakan dengan jelas.  |                 |       |                 |
|     |                   | d. Tiada anak tangga di pintu masuk ( <i>step free entrance</i> ). Sekiranya anak tangga disediakan, perlu disediakan susur tangan yang sesuai.   |                 |       |                 |
|     |                   | e. Bagi bangunan yang mempunyai pintu masuk yang berbeza paras, ia perlu disediakan lerengan ( <i>ramp</i> ) yang mematuhi kod sediada, mempunyai susur tangan dan pelantarnya yang tidak licin.  |                 |       |                 |

| NO. | KATEGORI | KAWASAN PENILAIAN  | PEMATUHAN ( / ) |       |                 |
|-----|----------|--|-----------------|-------|-----------------|
|     |          |  | YA              | TIDAK | TIDAK BERKENAAN |
|     |          | f. Pintu masuk sisi perlu mempunyai kelebaran minimum 900mm.   |                 |       |                 |
|     |          | g. Pintu masuk senang diguna oleh OKU boleh beroperasi secara tersendiri dan bebas tanpa usaha/ langkah berlebihan.  |                 |       |                 |
|     |          | h. Aksesori pintu/ hardware (seperti <i>handles, locks, bells, pull, etc</i> ) (kecuali jenis automatik) hendaklah dari jenis lever type/ jenis yang senang digunakan oleh semua golongan pengguna, perlu dipasang pada ketinggian di antara 800mm dan 1000mm. (Ketinggian 900mm adalah disyorkan) |                 |       |                 |
|     |          | i. Peta Informasi terdiri daripada Braille, Tactile Pictogram, Indeks dengan warna yang kontras perlu dipamerkan di pintu masuk utama. (Bangunan kemudahan awam, bangunan infrastruktur/ terminal/ <i>transport hub, shopping mall, supermarket/hypermarket</i> )                                  |                 |       |                 |
|     |          | j. Pintu masuk dengan pintu automatik perlu mempunyai kelebaran minima 1200mm.   |                 |       |                 |

| NO. | KATEGORI | KAWASAN PENILAIAN | PEMATUHAN ( / )  |       |                 |  |
|-----|----------|-------------------|--|-------|-----------------|--|
|     |          |                   | YA   | TIDAK | TIDAK BERKENAAN |  |
| 2.  | PINTU    | a.                | Pintu masuk boleh beroperasi secara tersendiri dan bebas tanpa usaha/ langkah berlebihan.  |       |                 |  |
|     |          | b.                | Pintu automatik perlu mempunyai selang masa membuka yang mencukupi; sekiranya terdapat butang tekan, ia perlu dipasang pada ketinggian di antara 800mm dan 1000mm.   |       |                 |  |
|     |          | c.                | Semua pintu masuk untuk orang awam perlu mempunyai kelebaran bersih 900mm.   |       |                 |  |
|     |          | d.                | Jarak yang mencukupi di antara selak pintu ( <i>latch side of the doors</i> ) dengan dinding hendaklah tidak kurang daripada 600mm. ( <i>not less than 600mm between the leading edge of a door and wall</i> ) |       |                 |  |
|     |          | e.                | Sekiranya terdapat pintu berpusing ( <i>revolving doors</i> ) dan palang bergerak ( <i>turnstiles</i> ), laluan alternatif perlu disediakan untuk pengguna OKU.  |       |                 |  |
|     |          | f.                | Sekiranya pintu kaca dipasang, petunjuk yang kontras perlu dipasang pada 2 paras yang berlainan.   |       |                 |  |
|     |          | g.                | Bagi pintu jens dua daun, kelebaran salah satu daun pintunya sekurang-kurangnya 900mm.   |       |                 |  |

| NO. | KATEGORI | KAWASAN PENILAIAN  | PEMATUHAN ( / ) |       |                 |
|-----|----------|--|-----------------|-------|-----------------|
|     |          |  | YA              | TIDAK | TIDAK BERKENAAN |
|     |          | h. Bagi pintu yang dipasangkan spring closer, hendaklah dilengkapi dengan pemegang ( <i>extra pull handle</i> ) dan daya tarik diperlukan hendaklah tidak melebihi 22N.  |                 |       |                 |
|     |          | i. Aksesori pintu seperti pemegang ( <i>handles</i> ), kunci ( <i>locks</i> ), loceng, <i>pulls</i> dan sebagainya perlu dipasang pada ketinggian di antara 800mm dan 1000mm. Ketinggian 900mm adalah disyorkan. |                 |       |                 |
|     |          | j. Pelapik kaki perlu ditambatkan ke lantai ( <i>secured to the floor</i> ) pada setiap penjuru dan berada sama rata dengan paras lantai.  |                 |       |                 |
|     |          | k. Ketinggian bendul pintu ( <i>threshold</i> ) tidak melebihi 5mm dan berpermukaan serong ( <i>bevelled</i> ).  |                 |       |                 |
|     |          | l. Ambang pintu ( <i>doorway</i> ) perlu ditanda dengan jelas dan rata. Lerengan di hadapan pintu masuk adalah tidak dibenarkan.   |                 |       |                 |
|     |          | m. Pembukaan dan penutupan pintu adalah secara automatik dan tidak memerlukan tenaga manusia digalakkan.   |                 |       |                 |

| NO. | KATEGORI | KAWASAN PENILAIAN |  | PEMATUHAN (/) |       |                 |
|-----|----------|-------------------|--|---------------|-------|-----------------|
|     |          |                   |  | YA            | TIDAK | TIDAK BERKENAAN |
| 3.  | LALUAN   | a.                | <i>Tactile</i> haruslah dipasangkan di laluan dalaman tempat awam yang bersesuaian seperti pesat penjaja dan hab pengangkutan.   |               |       |                 |
| 4.  | KORIDOR  | a.                | Lebar koridor sekurang-kurangnya 1200mm / mematuhi kehendak MS1184.  |               |       |                 |
|     |          | b.                | Lerengan ( <i>ramp</i> ) dengan kecerunan tidak melebihi nisbah 1:12 atau lif bagi menghubungkan perbezaan paras.  |               |       |                 |
|     |          | c.                | Orang yang kurang upaya penglihatan boleh mengesan objek terjulur dengan tongkat di sepanjang koridor.   |               |       |                 |
|     |          | d.                | Semua halangan yang tergantung dari atas perlu berada di atau melebihi paras 2100mm. Sekiranya di atas lantai, ia perlu dipagari atau dipasangkan papan amaran yang mudah dikesan. |               |       |                 |
|     |          | e.                | Orang yang mempunyai masalah penglihatan boleh mengesan semua halangan dan bahaya disepanjang koridor.   |               |       |                 |
|     |          | f.                | Susur tangan disediakan pada tempat posisi dan ketinggian yang sesuai.   |               |       |                 |

| NO. | KATEGORI     | KAWASAN PENILAIAN | PEMATUHAN ( / )  |       |                 |  |
|-----|--------------|-------------------|--|-------|-----------------|--|
|     |              |                   | YA   | TIDAK | TIDAK BERKENAAN |  |
| 5.  | LIF/ELAVATOR | a.                | Papan tanda yang menunjukkan laluan aksesibiliti ke lif.   |       |                 |  |
|     |              | b.                | Lebar bersih bukaan pintu lif adalah 900mm atau lebih. Bukaan ini perlulah di atas lantai yang rata dan kukuh.                             |       |                 |  |
|     |              | c.                | Ukuran minimum dalaman bersih untuk lif adalah 1100mm x 1400mm.  |       |                 |  |
|     |              | d.                | Butang lif dipasangkan pada ketinggian di antara 900mm-1200mm. (Ketinggian 1000mm-1100mm adalah disyorkan).                                |       |                 |  |
|     |              | e.                | Panel kawalan dalaman lif dipasangkan pada ketinggian 900mm ke 1200mm. (disyorkan tidak melebihi 1100mm).                                  |       |                 |  |
|     |              | f.                | Tulisan Braille atau nombor timbul ( <i>raised numbers</i> ) perlu disediakan di panel kawalan.  |       |                 |  |
|     |              | g.                | Susur tangan dipasang pada ketinggian di antara 800mm dan 900mm di ketiga-tiga dinding lif.  |       |                 |  |
|     |              | h.                | Interkom kecemasan disediakan di dalam lif. Sistem interkom ini boleh digunakan tanpa mod komunikasi suara ( <i>voice communication</i> ). |       |                 |  |
|     |              | i.                | Pintu lif mempunyai selang masa buka dan tutup ( <i>opening and closing interval</i> ) yang mencukupi iaitu tidak kurang daripada 5 saat.  |       |                 |  |

| NO. | KATEGORI           | KAWASAN PENILAIAN  | PEMATUHAN ( / ) |       |                 |
|-----|--------------------|--|-----------------|-------|-----------------|
|     |                    |  | YA              | TIDAK | TIDAK BERKENAAN |
|     |                    | j. Kemasan lantai yang anti-gelincir.  |                 |       |                 |
|     |                    | k. Jubin pandu arah ( <i>guiding tiles</i> ) dipasang menuju ke butang lif dengan betul. Jubin amaran ( <i>Warning Tiles</i> ) hendaklah dipasang 300mm hadapan lif. |                 |       |                 |
|     |                    | l. Sistem pengumuman audio mengenai pergerakan (seperti naik, turun, paras lif berhenti) lif perlu dipasang.   |                 |       |                 |
|     |                    | m. Tahap pencahayaan yang secukupnya di dalam dan di luar lif.   |                 |       |                 |
|     |                    | n. Tong sampah tidak diletakkan di hadapan butang lif.   |                 |       |                 |
|     |                    | o. Alat pengesan pergerakan dipasang untuk mengelakkan pengguna daripada terkena pintu.  |                 |       |                 |
|     |                    | p. Petunjuk lif menunjukkan ketibaan lif & posisi lif perlu dipasang.  |                 |       |                 |
| 6.  | TANGGA/ANAK TANGGA | a. Lebar minimum tangga utama ialah 1200mm dengan kelebaran bersih tidak kurang daripada 1000mm.   |                 |       |                 |
|     |                    | b. Susur tangan hendaklah dipasang secara berterusan sepanjang tangga pada kedua-dua sisi tangga pada ketinggian di antara 850mm-1000mm.                             |                 |       |                 |

| NO. | KATEGORI | KAWASAN PENILAIAN  | PEMATUHAN ( / ) |       |                 |
|-----|----------|--|-----------------|-------|-----------------|
|     |          |  | YA              | TIDAK | TIDAK BERKENAAN |
|     |          | c. Susur tangan perlu dipasang di tengah tangga sekiranya tangga melebihi kelebaran 2225mm.  |                 |       |                 |
|     |          | d. Saiz <i>landing platform</i> tidak kurang daripada 1200mm x1200mm.  |                 |       |                 |
|     |          | e. Anjur anak tangga ( <i>nosing</i> ) mempunyai warna dan tekstur yang kontras yang mudah dikesani oleh pengguna yang kurang upaya dalam penglihatan. |                 |       |                 |
|     |          | f. Tangga kecemasan perlu ditandakan dengan papan tanda yang jelas dan mudah dikesan.  |                 |       |                 |
|     |          | g. Lebar jejak ( <i>tread</i> ) anak tangga adalah 255mm–300mm dan permukaannya adalah jenis anti-gelincir.  |                 |       |                 |
|     |          | h. Ukuran naik ( <i>riser</i> ) anak tangga tidak melebihi 180mm dan perlu berkonsisten di sepanjang tangga.   |                 |       |                 |
|     |          | i. Jubin amaran ( <i>warning tiles</i> ) dipasangkan pada jarak 300mm dari tempat bermula dan berakhirnya anak tangga.                                 |                 |       |                 |
|     |          | j. Pencahayaan yang mencukupi pada ruangan tangga.   |                 |       |                 |
|     |          | k. Tangga disediakan dengan susur tangan berkembar ( <i>double handrail</i> ) bagi memudahkan penggunaan kanak-kanak dan individu yang rendah.         |                 |       |                 |



| NO. | KATEGORI     | KAWASAN PENILAIAN   | PEMATUHAN ( / ) |       |                 |
|-----|--------------|---|-----------------|-------|-----------------|
|     |              |   | YA              | TIDAK | TIDAK BERKENAAN |
|     |              | (Susur tangan atas: 850–1000mm; Susur tangan kedua: 600 –750mm).  |                 |       |                 |
| 7.  | SUSUR TANGAN | a. Susur tangan dipasang pada ketinggian yang sesuai. (Susur tangan atas: 850 – 1000mm; Susur tangan kedua: 600 – 750mm).   |                 |       |                 |
|     |              | b. Susur tangan jenis yang mudah dipegang seperti berbentuk bulat atau bujur dan permukaannya anti-licin.   |                 |       |                 |
|     |              | c. Diameter susur tangan adalah 45mm.   |                 |       |                 |
|     |              | d. Susur tangan dipasang dengan kukuh dan kuat pada dinding atau lantai. ( <i>securely attached to the wall or returned to the floor</i> )                                    |                 |       |                 |
|     |              | e. Susur tangan dipanjangkan secara mendatar ( <i>extend horizontally</i> ) sekurang-kurangnya 300mm melepasi anak tangga pertama dan terakhir atau di kedua-dua hujung ramp. |                 |       |                 |
|     |              | f. Celah di antara susur tangan dan permukaan dinding ialah 40mm untuk permukaan dinding yang licin dan 60mm untuk permukaan dinding yang kasar.                              |                 |       |                 |

| NO. | KATEGORI   | KAWASAN PENILAIAN  | PEMATUHAN (/) |       |                 |
|-----|------------|--|---------------|-------|-----------------|
|     |            |  | YA            | TIDAK | TIDAK BERKENAAN |
|     |            | g. Warna yang kontras untuk susur tangan supaya ia mudah dikesani.   |               |       |                 |
|     |            | h. Jalur Braille dipasang pada bahagian mendatar susur tangan tangga/ramp utama untuk memberi maklumat mengenai kedudukan pengguna. (arah naik/turun)  |               |       |                 |
| 8.  | TANDAS OKU | a. Tandas persendirian yang berasingan untuk penggunaan OKU.   |               |       |                 |
|     |            | b. Tandas OKU perlu senang dikesani melalui papan tanda yang disediakan.   |               |       |                 |
|     |            | c. Tandas OKU perlu mempunyai dimensi 1700mm x 2200mm di antara dinding tandas.  |               |       |                 |
|     |            | d. Ruang pergerakan kerusi roda ( <i>manuvering space</i> ) yang sesuai, sekurang-kurangnya 1500mm x 1500mm <i>clear space</i> perlu disediakan untuk memudahkan pengalihan pengguna OKU ke mangkuk tandas (WC). |               |       |                 |
|     |            | e. Mangkuk Tandas (WC) pada ketinggian di antara 400mm dan 480mm. (Disyorkan 460mm)  |               |       |                 |

| NO. | KATEGORI | KAWASAN PENILAIAN  | PEMATUHAN ( / ) |       |                 |
|-----|----------|--|-----------------|-------|-----------------|
|     |          |  | YA              | TIDAK | TIDAK BERKENAAN |
|     |          | f. Jarak minimum di antara garisan tengah mangkuk tandas (WC) dengan dinding bersebelahan yang dipasangkan rel pemegang adalah 450mm.  |                 |       |                 |
|     |          | g. Rel pemegang horizontal <i>flip-up bar</i> yang dipasangkan di sebelah yang lain perlu pada jarak 350mm dari garisan tengah mangkuk tandas (WC).  |                 |       |                 |
|     |          | h. Rel pemegang mendatar hendaklah disediakan pada ketinggian 200mm – 300mm di atas mangkuk tandas (WC). Manakala, rel pemegang menegak dipasang pada ketinggian 1700mm dari paras lantai. Dimeter rel pemegang dalam lingkungan 35mm ke 50mm. |                 |       |                 |
|     |          | i. Jarak minimum antara rel pemegang dan dinding adalah 40mm.  |                 |       |                 |
|     |          | j. Basin cuci tangan aksesibiliti dipasang pada ketinggian di antara 750mm –850mm dengan ruang lutut yang cukup kepada pengguna kerusi roda.   |                 |       |                 |
|     |          | k. Cermin hendaklah dipasang pada ketinggian maksimum 900mm dari aras lantai ke hujung bawah cermin.   |                 |       |                 |

| NO. | KATEGORI | KAWASAN PENILAIAN  | PEMATUHAN ( / ) |       |                 |
|-----|----------|--|-----------------|-------|-----------------|
|     |          |  | YA              | TIDAK | TIDAK BERKENAAN |
|     |          | l. Semua kawalan ( <i>controls</i> ) termasuk <i>faucet</i> hendaklah daripada jenis <i>levered</i> yang senang dikendalikan. <i>Soap dispenser</i> dipasang pada ketinggian 800mm-1100mm manakala pemegang tisu tandas di antara 600mm–700mm. |                 |       |                 |
|     |          | m. Bilik mandi disediakan tempat duduk yang boleh dilipat. Panjang hos pancuran mandi tidak kurang daripada 1500mm.  |                 |       |                 |
|     |          | n. Tandas dilengkapi dengan sistem penggera kecemasan bersama lampu kecemasan ( <i>flashing lights</i> ) untuk golongan kurang upaya pendengaran.  |                 |       |                 |
|     |          | o. Pintu tandas dibuka ke luar/ jenis gelongsor dengan <i>grab rail</i> untuk memudahkan kerja menyelamatkan; kunci pintu hendaklah jenis yang boleh dibuka dari luar di dalam masa kecemasan.   |                 |       |                 |
|     |          | p. Lantai sentiasa dalam keadaan kering ( <i>well drained</i> ) dan mempunyai kemas jenis tidak licin.   |                 |       |                 |
|     |          | q. Pencahayaan yang mencukupi di bahagian luar dan dalam tandas.   |                 |       |                 |

| NO. | KATEGORI     | KAWASAN PENILAIAN   | PEMATUHAN ( / ) |       |                 |
|-----|--------------|---|-----------------|-------|-----------------|
|     |              |   | YA              | TIDAK | TIDAK BERKENAAN |
|     |              | r. Tandas mempunyai ruang yang cukup untuk menampung penggunaan OKU bersama pengasuh/penjaganya.  |                 |       |                 |
|     |              | s. Tandas mesra keluarga dan mesra kanak-kanak ( <i>family or child friendly washroom</i> ) disediakan. (Bangunan kemudahan awam, bangunan infrastruktur/terminal/ <i>transport hub, shopping mall, supermarket/hypermarket</i> ) |                 |       |                 |
|     |              | t. Tandas OKU dilengkapi dengan penggera bantuan kecemasan termasuk <i>reset control</i> , dengan <i>audio dan visual feedback</i> .  |                 |       |                 |
|     |              | u. Tandas yang dilengkapi dengan kemudahan yang sesuai untuk kegunaan semua golongan pengguna, seperti mangkuk tandas, basin cuci tangan, dispenser sabun, cermin, hos, loceng panggilan kecemasan, rak dan sebagainya.           |                 |       |                 |
| 9.  | MEDAN SELERA | a. Aksesibiliti yang mudah ke semua pintu masuk medan selera.   |                 |       |                 |
|     |              | b. Laluan sirkulasi sekurang-kurangnya 1200mm lebar untuk membolehkan pengguna kerusi roda bergerak tanpa gangguan.   |                 |       |                 |

| NO. | KATEGORI                | KAWASAN PENILAIAN   | PEMATUHAN ( / ) |       |                 |
|-----|-------------------------|---|-----------------|-------|-----------------|
|     |                         |   | YA              | TIDAK | TIDAK BERKENAAN |
|     |                         | c. Kaunter bayaran dengan ketinggian di antara 740mm-800mm. Ruang lutut di bawah kaunter setinggi 700mm serta tidak menghalang laluan awam.   |                 |       |                 |
|     |                         | d. Sediakan meja yang sesuai untuk pengguna kerusi. Meja yang dikhususkan untuk pengguna kerusi roda adalah setinggi 740mm–800mm dengan ruang lutut di bawahnya tidak kurang daripada 700mm dan 600 mm dalam. |                 |       |                 |
|     |                         | e. Menyediakan meja yang juga boleh diakses dan sesuai digunakan oleh pengguna kerusi roda.   |                 |       |                 |
| 10. | TELEFON AWAM (JIKA ADA) | a. Telefon awam hendaklah mudah diakses dan digunakan oleh pengguna kerusi roda.  |                 |       |                 |
|     |                         | b. Papan tanda sewajarnya dipasang untuk menunjukkan arah/lokasi pondok telefon awam.   |                 |       |                 |
|     |                         | c. Ruang lutut ( <i>clear knee space</i> ) sekurang-kurangnya 700mm disediakan.   |                 |       |                 |
|     |                         | d. Butang nombor yang tertimbul ( <i>raised button</i> ) memudahkan pengenalan nombor melalui sentuhan.   |                 |       |                 |
|     |                         | e. Bahagian operasi telefon dipasang pada ketinggian tidak melebihi 1100mm.   |                 |       |                 |

| NO. | KATEGORI                   | KAWASAN PENILAIAN  | PEMATUHAN ( / ) |       |                 |
|-----|----------------------------|--|-----------------|-------|-----------------|
|     |                            |  | YA              | TIDAK | TIDAK BERKENAAN |
|     |                            | f. Satu daripada telefon awam yang disediakan hendaklah jenis sesuai untuk kegunaan pengguna yang hearing impaired yang dilengkapi dengan <i>loop induction unit</i> .     |                 |       |                 |
| 11. | KEMUDAHAN RUANG REHAT      | a. Kemudahan rehat (contohnya kerusi, bangku dan sebagainya) perlu disediakan di kawasan yang luas.  |                 |       |                 |
|     |                            | b. Ruang kerusi roda bersebelahan tempat duduk awam perlu disediakan.  |                 |       |                 |
|     |                            | c. Ketinggian meja yang disediakan hendaklah di antara 750mm – 900mm.  |                 |       |                 |
|     |                            | d. Ruang lutut [700mm (tinggi) x 900mm (lebar) dan 600mm (dalam)] perlu disediakan di bawah meja.  |                 |       |                 |
| 12. | PAPAN TANDA/ PETUNJUK ARAH | a. Peta/ papan tanda maklumat yang disediakan perlu jelas, mudah difahami dan mempunyai warna yang kontras.  |                 |       |                 |
|     |                            | b. Papan tanda arah yang membantu penggunaan dalam mencari destinasi dipasangkan di lokasi yang sesuai, pada paras visual yang baik dan juga penggunaan warna yang sesuai. |                 |       |                 |
|     |                            | c. Pengumuman dibuat kepada orang awam melalui audio dan visual semasa kecemasan.  |                 |       |                 |

| NO. | KATEGORI                     | KAWASAN PENILAIAN  | PEMATUHAN ( / ) |       |                 |
|-----|------------------------------|--|-----------------|-------|-----------------|
|     |                              |  | YA              | TIDAK | TIDAK BERKENAAN |
|     |                              | d. Penggunaan piktogram ( <i>pictogram</i> ) dalam papan tanda yang mudah difahami oleh semua golongan pengguna.   |                 |       |                 |
|     |                              | e. Peta informasi yang merangkumi penggunaan <i>Braille</i> , <i>Tactile Pictogram</i> , indeks dengan warna yang kontras dan jelas perlu dipasang di lokasi atau pintu masuk utama. (Bangunan kemudahan awam, bangunan infrastruktur/terminal/ <i>transport hub</i> , <i>shopping mall</i> , <i>supermarket/hypermarket</i> ) |                 |       |                 |
| 13. | KEMUDAHAN PENJAGAAN KELUARGA | a. Menyediakan bilik keluarga dengan kemudahan penyusunan ibu dan persalinan lampin bayi beserta dengan kemudahan-kemudahan yang bersesuaian. (Bangunan kemudahan awam, bangunan infrastruktur, terminal/ <i>transport hub</i> , <i>shopping mall/supermarket/hypermarket</i> )  |                 |       |                 |



## **PENGESAHAN**

### **TAJUK PROJEK:**

#### **A) Saya/Kami mengesahkan bahawasanya;**

- i. Senarai semak dan pelan-pelan yang dihantar adalah mengikut Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 dan pindaan-pindaannya, Garis panduan dan polisi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)/Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Agensi-Agensi Kerajaan serta MS 1184:2014.**
- ii. Kerja-kerja pembinaan akan/telah dijalankan dibawah penyeliaan saya/kami.**

**Tandatangan  
PERUNDING BERTANGGUNGJAWAB  
Tarikh:**

#### **B) Saya/Kami mengesahkan bahawasanya;**

- i. Mengakujaji dan bersedia mematuhi segala syarat-syarat MBPP/MBSP atau Agensi Kerajaan seperti yang dicatatkan dalam senarai semak dan pelan-pelan yang yang diluluskan serta Persons with Disability Act 2008 sebelum Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dikeluarkan.**

**Tandatangan  
PEMILIK BANGUNAN/PEMAJU  
Tarikh:**